



Pelajar USIM julang negara

DR Mustafa (tiga dari kanan) bersama Riza Asma'a (dua dari kiri), Nur Hidayah (tiga dari kiri) dan Siti Nurhafiz (dua dari kanan) bersama pingat emas yang dimenangi di pertandingan British Invention Show (BIS) 2014 di London, baru baru ini.

Raih pingat emas pertandingan di Pameran Inovasi British di United Kingdom

Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor
mohdhelmi@hmetro.com.my

"Ketika menyertai pertandingan itu, kami merasakan diri begitu kecil melihat peserta lain membabitkan pensyarah, penyelidik dan pakar industri dari seluruh dunia.

"Namun, status pelajar bukan penghalang kepada kami untuk menggondol dua pingat emas sekali gus

membanggakan negara," kata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Riza Asma'a Saari, 22, selepas dia dan rakan sepasukan meraih dua pingat emas pada Pameran Inovasi British di Pusat Pameran Barbican, United Kingdom pada 22 hingga 25 Oktober lalu.

Riza Asma'a bersama Nur Hidayah Hassan, 22, dan Siti Nurhafiz Asyreen Abu Bakar, 22, meraih pingat emas bagi Anugerah Ciptaan Terbaik dan Anugerah Khas Berganda selepas ciptaan membran

iaitu filem separa telap berjaya menambat hati juri.

Filem separa telap yang berfungsi sebagai komponen penapis untuk kegunaan industri tekstil dan makanan meraih 99.6 markah mengalahkan 119 peserta dari lebih 10 negara.

Menurutnya, dia tidak menyangka meraih kejayaan itu bersama rakan yang mempersembahkan ciptaan membran dihasilkan pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi USIM Dr Abdul Rahman Hassan.

"Ketika mempersembahkan ciptaan itu, kami gemuruh tambahan melihat kehebatan peserta lain dengan hasil inovasi masing-masing.

"Namun, kami kuatkan semangat dan cuba berkomunikasi dengan baik untuk menerangkan keberkesanan ciptaan ini," katanya.

Riza Asma'a berkata demikian pada sidang media khas bagi mengumumkan kemenangan itu di Bilik Mesyuarat Timbalan Naib Canselor USIM, semalam.

Pengumuman dibuat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM Prof Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah.